

## Bab Empat

### Fungsi alat muzik tabuhan dalam masyarakat Melayu Kelantan dan Campa

Setiap alat muzik mempunyai fungsi yang bergantung kepada penggunaanya dalam repertoire seni persembahan atau aktiviti yang membabitkan masyarakat. Begitu juga, alat muzik tabuhan turut mempunyai fungsi yang tersendiri. Oleh itu, alat muzik tabuhan sering digunakan dalam setiap repertoire seni persembahan dan majlis sosial. Namun begitu, fungsi alat muzik tabuhan bergantung kepada bentuk repertoire seni persembahan dan majlis sosial yang diadakan.<sup>1</sup> Biasanya, alat muzik tabuhan di dalam repertoire seni persembahan berfungsi sebagai menghasilkan rentak dan tempo. Manakala, alat

---

<sup>1</sup> William P. Malm, Music of the Near East, Asia and The Pacific, Third Edition (New Jersey: Prentice-Hall, 1995), hlm. 119-132. Lihat juga, Curt Sachs, The

muzik tabuhan di dalam majlis sosial pula, ia dapat menghasilkan suasana gembira dalam majlis itu dan di samping dapat menimbulkan perasaan yang bersemangat terhadap pendengarnya. Misalnya, gendang yang digunakan oleh masyarakat Melayu mempunyai pelbagai fungsi yang bergantung kepada bentuk repertoire seni persembahan dan majlis sosial yang diadakan oleh masyarakat itu.<sup>2</sup> Ini menyebabkan gendang amat bersesuaian digunakan dalam repertoire seni persembahan dan majlis sosial.

Begitu juga, rebana mempunyai pelbagai fungsi dalam masyarakat seperti menghasilkan timbre bunyi, pembawa rentak dan tempo lagu. Selain itu, rebana amat sesuai digunakan dalam majlis sosial seperti majlis perkahwinan dan berkhatan bagi masyarakat Islam. Bunyi yang dihasilkan daripada rebana amat sesuai kerana ia

---

History of Musical Instruments (New York: W. W. Norton & Co Inc, 1940), hlm. 233-237.

<sup>2</sup> Patricia Matusky, "Alat-alat dan Bentuk-bentuk muzik tradisi Masyarakat Melayu," dalam Masyarakat Melayu: Struktur, Organisasi dan Manifestasi, ed., Mohd. Taib Osman (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989), hlm. 271. Lihat juga kepada Percival R. Kirby, The Musical Instruments of the Native Races of South Africa (Johannesburg: Witwatersrand University Press, 1969). Begitu juga dalam Gendang gedut: Pameran alat-

mampu menghasilkan pelbagai bunyi mengikut saiz baluh yang digunakan.

### **Definisi fungsi**

Fungsi boleh ditakrif sebagai tugas atau peranan. Manakala, fungsi dalam Bahasa Inggeris pula diistilahkan sebagai "function".<sup>3</sup>

Oleh itu, didapati bahawa takrifan fungsi selari dengan definisi yang dikemukakan di dalam Kamus Dewan yang menyatakan bahawa fungsi adalah sebagai tugas atau kerja.<sup>4</sup> Justeru, fungsi adalah bermaksud sebagai tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh sesuatu benda atau manusia. Oleh itu, apabila definisi fungsi dikaitkan dengan alat muzik tabuhan didapati bahawa fungsi yang terdapat pada alat muzik tabuhan yang

---

alat muzik Tradisional Malaysia (Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 1980).

<sup>3</sup> Kamus DwiBahasa (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), hlm. 516.

<sup>4</sup> Kamus Dewan, Edisi Baru (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), hlm. 326.

menentukan kegunaanya di dalam repertoire seni persembahan atau majlis sosial yang membabitkan masyarakat.

Begitu juga definisi fungsi yang dikemukakan di dalam Collins English Dictionary and Thesaurus iaitu fungsi adalah tindakan aksi biasa daripada manusia atau benda.<sup>5</sup> Tindakan itu boleh dikaitkan dengan tugas atau peranan yang terdapat pada manusia atau benda. Oleh itu, tindakan aksi yang terdapat pada benda yang memainkan peranan bagi menentukan kedudukan benda itu dalam sesuatu kejadian. Justeru, fungsi alat muzik tabuhan yang menentukan peranan alat muzik itu dalam repertoire seni persembahan dan majlis sosial.

Manakala, definisi dalam buku Sociological Theory: Its Nature and Growth pula menerangkan "function" sebagai,

---

<sup>5</sup> Collins English Dictionary and Thesaurus (Glasgow: Harper Collins Publishers, 1997), hlm. 456.

"Function refers to the contribution made by part to some whole, to a society or culture".<sup>6</sup>

Berdasarkan kepada definisi tersebut, fungsi dirujuk sebagai sumbangan daripada satu bahagian kepada keseluruhan masyarakat atau budaya. Ini adalah bermaksud peranan atau tugas yang dilakukan oleh satu bahagian yang kecil kepada keseluruhan bahagian. Apabila definisi itu dikaitkan dengan alat muzik tabuhan, ia dapat menerangkan tentang peranan atau tugas alat muzik itu di dalam repertoire seni persembahan dan kegiatan masyarakat.

Selain itu, definisi fungsi yang dikemukakan di dalam kamus, The Concise Oxford Dictionary menyatakan fungsi sebagai aktiviti yang biasa atau tujuan manusia atau benda. Ini adalah bermaksud fungsi mempunyai perkaitan rapat dengan tugas atau peranan. Ini seperti dijelaskan pada petikan di bawah iaitu,

---

<sup>6</sup> Nicholas S. Timasheff, Sociological Theory: Its Nature and Growth (New York: Random House Inc, 1967), hlm. 216.

"Function. 1, an activity that is natural to or the purpose of a person or thing:....".<sup>7</sup>

Oleh itu, definisi itu dapat menerangkan maksud fungsi kepada alat muzik tabuhan yang digunakan dalam repertoir seni persembahan atau majlis sosial seperti menghasilkan pelbagai timbre bunyi dan pola rentak.

Daripada perbincangan definisi fungsi tersebut didapati bahawa fungsi bermaksud tugas atau peranan. Oleh itu, fungsi yang terdapat pada alat muzik tabuhan akan menentukan tugas atau peranan alat muzik itu dalam repertoir seni persembahan atau majlis sosial yang membabitkan aktiviti masyarakat.

#### **Fungsi repertoir seni persembahan dalam masyarakat Melayu Kelantan dan Cam**

Berdasarkan kepada definisi fungsi yang dijelaskan sebelum itu, ia dapat menerangkan mengenai fungsi

---

<sup>7</sup> Judy Pearsall, ed., The Concise Oxford Dictionary, Tenth Edition (New York: Oxford University Press, 1999), hlm 573.

repertoir seni persembahan dalam masyarakat Melayu Kelantan dan Cam. Oleh itu, terdapat dua fungsi utama repertoir seni persembahan dalam masyarakat Melayu Kelantan dan Cam adalah seperti fungsi ritual dan hiburan. Bagi membincangkan fungsi repertoir seni persembahan dalam masyarakat Melayu Kelantan dirujuk kepada repertoir Wayang Kulit Siam dan Makyong. Manakala dalam masyarakat Cam pula, fungsi repertoir dirujuk kepada repertoir Rija dan Dhir Srwak.

Dalam masyarakat Melayu Kelantan didapati bahawa repertoir Wayang Kulit Siam dan Makyong mempunyai fungsi ritual. Ini adalah kerana, repertoir Wayang Kulit Siam dan Makyong mempunyai perkaitan rapat dengan aktiviti kehidupan harian masyarakat mereka. Selain itu, masyarakat Melayu Kelantan merupakan masyarakat agraria yang amat percaya kepada unsur semangat.<sup>8</sup> Misalnya, masyarakat Melayu Kelantan yang tinggal di jajahan Tumpat dan Pasir Mas pada sekitar tahun 1960an akan mengadakan persembahan repertoir Wayang Kulit Siam

---

<sup>8</sup> Lihat kepada Eksiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999), hlm. 776.

terlebih dahulu sebelum mengadakan upacara ritual puja semangat padi. Biasanya, persembahan repertoire Wayang Kulit Siam dilakukan sebelum proses menanam anak padi dimulakan. Oleh itu, repertoire Wayang Kulit Siam dijadikan pengantara untuk menghubungi semangat dalam upacara ritual puja semangat padi.

Selain itu, ritual puja semangat padi bertujuan mendampingi dan mengimbangi semangat dalam kehidupan mereka. Ini adalah kerana repertoire Wayang Kulit Siam itu sendiri mempunyai upacara ritual yang berkaitan rapat dengan puja semangat.<sup>9</sup> Oleh itu, proses upacara ritual yang dilakukan itu dipanggil upacara ritual berjamu dan sering digunakan untuk upacara ritual puja semangat padi. Dalam proses ritual puja semangat padi, Tok Dalang akan mengerakkan patung Tok Maha Siku atau Maharisi di kelir atau skrin putih wayang sambil memuja patung wayang itu dengan membaca jampi mantera.<sup>10</sup> Pada

---

<sup>9</sup> Ghulam Sarwar Yousof, Panggung Semar: Aspects of Traditional Malay Theatre (Petaling Jaya: Tempo Publishing, 1992), hlm. 169-178.

<sup>10</sup> Diperolehi semasa sesi temubual dengan Hamzah Awang Amat, Akademi Seni Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 4 Julai 1997.

masa yang sama, upacara ritual puja semangat padi diiringi bunyian yang dihasilkan daripada alat-alat muzik Wayang Kulit Siam dengan membawa lagu Maharisi dan lagu Bertabuh.

Begitu juga, repertoire Makyong dalam masyarakat Melayu Kelantan didapati turut mempunyai fungsi ritual. Kadangkala, masyarakat Melayu Kelantan menggunakan repertoire Makyong dalam upacara ritual puja semangat padi. Oleh itu, masyarakat Melayu Kelantan akan mempersembahkan repertoire Makyong kepada semangat padi. Biasanya, repertoire Makyong dipersembahkan sebelum upacara menanam anak padi di sawah. Pada upacara memuja semangat padi, lagu menghadap rebab dimainkan pada permulaan repertoire Makyong. Menurut kepercayaan masyarakat Melayu Kelantan, lagu menghadap rebab dikatakan mempunyai perkaitan rapat dengan semangat.<sup>11</sup> Misalnya pada sekitar tahun 1960an, penduduk Kampung Gerong di mukim Palekbang, Tumpat, mengadakan persembahan repertoire Makyong dalam upacara ritual puja

---

<sup>11</sup> Diperolehi semasa sesi temubual dengan Hamzah Awang Amat, 4 Julai 1997.

semangat padi. Selain itu, ia turut disediakan beberapa sajian untuk dipersembahkan kepada semangat seperti yang disediakan semasa perbukaan panggung repertoire Makyong.<sup>12</sup> Justeru, upacara pemujaan semangat padi bertujuan memuja semangat padi supaya ia dapat menjaga keselamatan dan kesuburan tanamam padi mereka.<sup>13</sup>

Selain itu, repertoire Makyong turut mempunyai fungsi dalam ritual pengubatan masyarakat Melayu Kelantan. Masyarakat Melayu Kelantan terutamanya di jajahan Tumpat dan Pasir Mas antara tahun 1960an hingga 1980an menggunakan repertoire Makyong dalam proses pengubatan.<sup>14</sup> Proses upacara ritual pengubatan, kadangkala digabung dengan repertoire Main Puteri. Pengabungan kedua-dua repertoire Makyong dan Main Puteri dikenali sebagai ritual pengubatan Makyong-Main Puteri. Persembahan repertoire Makyong-Main Puteri bertujuan mengubati penyakit yang berkaitan dengan gangguan

---

<sup>12</sup> Ghulam Sarwar Yousof, Panggung Semar: Aspects of Traditional Malay Theatre, hlm. 38.

<sup>13</sup> Diperolehi semasa sesi temubual dengan Hamzah Awang Amat, 4 Julai 1997.

<sup>14</sup> Diperolehi semasa sesi temubual dengan Hamzah Awang Amat, 4 Julai 1997.

semangat jahat ke atas manusia.<sup>15</sup> Oleh itu, masyarakat Melayu Kelantan memainkan repertoire Makyong-Main Puteri untuk memulihkan keadaan pesakit tersebut.

Persembahan pengubatan Makyong-Main Puteri turut mempunyai elemen-elemen yang berkaitan rapat dengan semangat seperti upacara ritual berjamu, ritual buka panggung, ritual buka alat muzik dan ritual menghadap rebab. Oleh itu, proses upacara ritual yang terdapat dalam repertoire pengubatan Makyong-Main Puteri amat bersesuaian untuk menghubungi semangat yang diperlukan dalam usaha memulihkan keadaan semangat manusia yang terganggu.

Begitu juga, repertoire Rija dalam masyarakat Cam mempunyai fungsi ritual dalam masyarakat itu. Misalnya, masyarakat Cam menggunakan repertoire Rija Prong dalam upacara ritual “Palaik Padai Trun Drak” (puja semangat

---

<sup>15</sup> Diperolehi semasa sesi temubual dengan Hamzah Awang Amat, 4 Julai 1997. Lihat juga pada, Ghulam Sarwar Yousof, Panggung Semar: Aspects of Traditional Malay Theatre, hlm. 37-57.

padi).<sup>16</sup> Selain itu, didapati proses ritual pemujaan semangat padi tidak jauh berbeza proses ritual permujaan semangat padi dalam masyarakat Melayu Kelantan. Dalam proses ritual puja semangat padi, masyarakat Cam menggunakan repertoire Rija Prong sebagai pengantara dengan tujuan mengimbangi dan mendampingi semangat. Pada persembahan ritual permujaan semangat padi, seorang lelaki akan bertindak sebagai pelaku. Pelaku akan bertindak sebagai pengantara bagi menghubungi semangat padi. Pelaku akan membantu Madoun atau bomoh dengan membenarkan tubuhnya dijadikan pengantara untuk semangat menyerap masuk ke dalam alam manusia.

Proses itu adalah bertujuan supaya semangat padi yang dipuja dapat masuk ke dalam tubuh pelaku. Pada masa yang sama, pelaku berada dalam keadaan kelupaan. Keadaan kelupaan diperlukan untuk memudahkan semangat padi yang dipuja masuk ke dalam tubuh pelaku. Proses tersebut bertujuan supaya Moduon dapat berinteraksi

---

<sup>16</sup> Diperolehi semasa sesi temubual dengan Phu Binh Dinh, Persatuan Minoriti Suku Bangsa di Phang-rang, 5 Ogos 1999.

dengan semangat padi bagi memperolehi jaminan keselamatan dan kesuburan tanaman padi mereka.

Selain itu, repertoire Rija dalam masyarakat Cam turut mempunyai fungsi dalam upacara ritual pengubatan. Masyarakat Cam akan mempersesembahkan repertoire Rija dan Dhir Swark bagi menghubungi semangat untuk ritual pengubatan. Persembahan repertoire Rija dan Dhir Srwak dilakukan untuk mengatasi atau menyembuhkan penyakit yang berkaitan dengan gangguan semangat jahat. Misalnya, masyarakat Cam di Phang-rang sering kali mengadakan ritual Rija untuk menyelesaikan masalah yang dikaitan dengan gangguan semangat jahat. Sehingga kini, masyarakat Cam di Phang-rang masih mengamalkannya bagi mengatasi masalah gangguan semangat jahat dalam diri manusia.<sup>17</sup> Proses upacara ritual pengubatan Rija hampir sama dengan proses pengubatan Main Puteri yang terdapat dalam masyarakat Melayu Kelantan yang mana penggunaan irungan banyian muzik dan pelaku. Di mana, bentuk proses upacara ritual repertoire Rija mempunyai beberapa

---

<sup>17</sup> Diperolehi semasa sesi temubual dengan Phu Binh Dinh, 5 Ogos 1999.

persamaan dengan bentuk proses ritual pengubatan Main Puteri masyarakat Melayu Kelantan seperti upacara berjamu, buka panggung dan buka alat muzik.

Begitu juga dengan proses pengubatan Dhir Srwak yang dilakukan oleh masyarakat Cam tidak jauh beza dengan repertoire Rija. Semasa proses pengubatan itu turut menggunakan seorang lelaki yang bertindak sebagai pelaku. Pelaku itu yang akan membenarkan tubuhnya dimasuki semangat yang telah dipuja dan diseru oleh Modoun semasa beliau dalam keadaan kelupaan. Pada masa itu, Modoun akan berinteraksi dengan semangat yang memasuki tubuh pelaku untuk mengetahui jenis penyakit.

Namun begitu, selain berfungsi sebagai ritual dalam masyarakat Melayu Kelantan dan Cam, repertoire seni persembahan juga berfungsi sebagai hiburan.

Pada tahun 1960an hingga kini, repertoire Wayang Kulit Siam dan Makyong dalam masyarakat Melayu Kelantan telah berubah fungsi daripada ritual kepada hiburan. Oleh itu, didapati bahawa repertoire Wayang Kulit Siam

dan Makyong sering dipersembahkan tanpa mengikut masa atau bebas dimainkan di mana-mana tempat. Walaupun telah berfungsi sebagai hiburan, namun fungsi ritual dalam kedua-dua repertoire Wayang Kulit Siam dan Makyong masih dikekalkan terutamanya beberapa upacara ritual sebelum dan selepas persembahan.

Walaupun repertoire Wayang Kulit Siam dan Makyong mempunyai upacara ritual, namun kedua-dua repertoire itu juga dimainkan sebagai hiburan dalam majlis sosial. Misalnya, repertoire Wayang Kulit Siam sering dimainkan di majlis perkahwinan seperti di jajahan Tumpat dan Pasir Mas antara tahun 1960an hingga 1980an. Masyarakat Melayu di jajahan Tumpat dan Pasir Mas mengadakan permainan Wayang Kulit Siam untuk menghiburkan tetamu yang menghadiri majlis tersebut. Tetamu yang menghadiri majlis perkahwinan akan dihiburkan dengan cerita-cerita yang disampaikan oleh Tok Dalang. Selain memberi hiburan kepada para tetamu, persembahan repertoire Wayang Kulit Siam juga diadakan sebagai memeriahkan majlis perkahwinan.

Begitu juga repertoire Makyong yang turut dimainkan sebagai hiburan dalam majlis perkahwinan. Cerita yang sering dipersembahkan dalam majlis perkahwinan adalah kisah Anak Raja Gondang dan Raja Tangkai Hati.<sup>18</sup> Selain itu, persembahan repertoire Makyong diadakan untuk mengelakkan tetamu pulang lebih awal atau merasa bosan semasa menanti upacara persandingan pasangan pengantin.

Selain itu, repertoire Wayang Kulit Siam turut dimainkan dalam majlis berkhatan. Bagi masyarakat Melayu Kelantan khususnya masyarakat Melayu yang tinggal di jajahan Tumpat dan Pasir Mas antara tahun 1960an hingga 1980an, mereka sering mengadakan permainan Wayang Kulit Siam di majlis berkhatan. Namun begitu, permainan Wayang Kulit Siam bergantung kepada jemputan atau minat tuan rumah majlis berkhatan terhadap repertoire itu. Biasanya, tuan rumah yang berminat dengan Wayang Kulit Siam akan menjemput kumpulan Wayang Kulit Siam untuk mengadakan permainan di majlis berkhatan. Permainan repertoire Wayang Kulit

---

<sup>18</sup> Diperolehi semasa sesi temubual dengan Hamzah Awang Amat, 4 Julai 1997.

Siam diadakan sebagai hiburan kepada tetamu daripada merasa bosan. Biasanya dalam majlis berkhatan, Tok Dalang akan mempersembahkan cerita berbentuk komedi iaitu di antara watak Pak Dogol dan Wak Long.<sup>19</sup> Manakala, repertoir Makyong pula jarang dimainkan dalam majlis berkhatan kecuali sekiranya mendapat jemputan daripada tuan rumah.

Kadangkala, repertoir Wayang Kulit Siam dan Makyong dimainkan sebagai hiburan pada masa lapang. Misalnya, repertoir Wayang Kulit Siam dan Makyong sering dimainkan pada musim selepas menuai padi terutamanya di jajahan Tumpat, Pasir Mas dan Bacok antara tahun 1960an hingga 1980an. Pada sekitar tahun 1960an, masyarakat Melayu Kelantan sering mengisi masa lapang mereka dengan memainkan repertoir Wayang Kulit Siam dan Makyong. Biasanya, selepas musim menuai padi, masa lapang merupakan masa rehat yang panjang. Masa lapang merupakan masa senggang masyarakat Melayu

---

<sup>19</sup> Diperolehi semasa sesi temubual dengan Hamzah Awang Amat, 4 Julai 1997.

Kelantan untuk berehat sambil menanti musim menanam padi tiba.

Untuk mengisi masa lapang, masyarakat Melayu Kelantan akan mengadakan permainan repertoire Wayang Kulit Siam dan Makyong bagi memperolehi hiburan. Contohnya, penduduk Kampung Gerong di mukim Palekbang, Tumpat sering mengadakan permainan repertoire Wayang Kulit Siam selepas musim menuai padi. Penduduk Kampung Gerong mengadakan permainan repertoire Wayang Kulit Siam pada sebelah malam iaitu masa mereka berehat. Penduduk Kampung Gerong tidak begitu sukar untuk menjemput kumpulan wayang kulit kerana di kampung itu sendiri mempunyai kumpulan wayang kulit yang dipimpin oleh Hamzah Awang Amat yang dikenali sebagai Kumpulan Sri Setia Kampung Gerong. Namun begitu, pada masa kini repertoire wayang kulit jarang dimainkan di kampung itu kerana ramai pemuzik termasuk Tok Dalangnya telah berhijrah ke Kuala Lumpur.

Selain itu, repertoire Wayang Kulit Siam dan Makyong juga sering dimainkan semasa perayaan menyambut

keputeraan Sultan Kelantan dan perayaan menyambut hari kebangsaan. Repertoir Wayang Kulit Siam dan Makyong dimainkan bagi memberi hiburan dan memeriahkan perayaan tersebut. Misalnya antara tahun 1970an hingga 1980an, di jajahan Kota Bharu, Tumpat, Pasir Mas dan Kuala Krai, didapati repertoir Wayang Kulit Siam dan Makyong yang sering dimainkan di kawasan lapang atau padang sekolah untuk dipertontonkan kepada masyarakat setempat dan pelancong luar. Biasanya, repertoir Wayang Kulit Siam lebih banyak dimainkan berbanding dengan repertoir Makyong semasa menyambut perayaan keputeraan Sultan Kelantan.

Namun begitu, sejak tahun 1990an sehingga kini repertoir Wayang Kulit Siam hanya dimainkan kepada para pelancong luar dan tempatan di Balai Seni Budaya, Kota Bharu. Manakala, repertoir Makyong pula telah beralih persembahan ke Kuala Lumpur sejak tahun 1970an yang dipimpin oleh Khatijah Awang dengan menubuhkan Kumpulan Sri Temenggung.<sup>20</sup> Nama kumpulan Makyong yang dipimpin

---

<sup>20</sup> Ghulam Sarwar Yousof, Panggung Semar: Aspects of Traditional Malay Theatre, hlm. 23.

oleh beliau diambil sempena nama penaungnya sebelum itu iaitu Tengku Temenggung Abdul Ghaffar.<sup>21</sup> Sejak daripada itu repertoire Makyong telah dipersembahkan secara komersial dengan dinaungi oleh agensi-agensi kerajaan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Petroleum Nasional Bhd (Petronas).<sup>22</sup>

Begitu juga fungsi repertoire dalam masyarakat Cam telah beralih daripada fungsi ritual kepada fungsi hiburan. Masyarakat Cam di Phang-rang memainkan repertoire Rija dalam majlis perkahwinan pada sekitar tahun 1960an. Repertoire Rija dimainkan untuk memberi hiburan kepada tetamu dan memeriahkan majlis perkahwinan. Namun begitu hanya muzik instrumental yang dimainkan berdasarkan kepada lagu-lagu yang terdapat dalam repertoire Rija. Biasanya, lagu-lagu yang dimainkan dalam majlis perkahwinan adalah seperti lagu Patri Bangso, Patri Ghamalikan dan Patri Dara

---

<sup>21</sup> ibid, hlm. 23.

<sup>22</sup> Diperolehi semasa sesi temubual dengan Puan Khatijah Awang, Akademi Seni Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 10 September 1998.

Nainaih.<sup>23</sup> Lagu-lagu tersebut mengisahkan puteri raja Cam yang berada dalam suasana gembira. Lagu-lagu seperti itu amat sesuai dimainkan dalam majlis perkahwinan bagi mengambarkan suasana gembira. Sehingga sekarang repertoire Rija masih dimainkan dalam majlis perkahwinan di Phang-rang dan di kawasan sekitarnya kecuali di Bandar raya Ho Chi Minh dan Chou Dou di Delta Mekong. Masyarakat Cam yang tinggal di Bandar raya Ho Chi Minh dan Chou Dou di Delta Mekong lebih menggunakan alat rebana (bana) bagi memeriahkan majlis perkahwinan mereka.

Dalam majlis berkhatan pula, masyarakat Cam di Phang-rang turut mempersembahkan repertoire Rija Hri. Persembahan repertoire Rija Hri bertujuan memberi hiburan kepada tetamu yang datang ke majlis berkhatan. Selain memberikan hiburan kepada tetamu, persembahan repertoire Rija Hri juga bertujuan memeriahkan majlis berkhatan. Biasanya hanya lagu-lagu yang mengisahkan raja-raja Cam dimainkan di antaranya seperti lagu Cai

---

<sup>23</sup> Diperolehi semasa sesi temubual dengan Phu Binh Dinh, 5 Ogos 1999.

Asit, Man Sri dan Tapoa. Lagu-lagu tersebut amat sesuai dimainkan dalam majlis berkhatan kerana ia bertemakan semangat. Sehingga hari ini, fungsi repertoire Rija sebagai hiburan dalam majlis berkhatan masih kekal terutamanya di kalangan masyarakat Cam yang tinggal di Phang-rang.

Selain itu, permainan alat muzik tabuhan juga digunakan oleh masyarakat Cam untuk mengisi masa lapang. Masyarakat Cam secara majoritinya menjalankan aktiviti penanaman padi terutamanya di Binh Thuan (Phang-rang) atau di Delta Mekong (Chou Dou). Masyarakat Cam menjalankan penanaman padi semusim dan menyebabkan mereka mempunyai masa lapang yang agak panjang terutama selepas musim menuai padi. Misalnya di kalangan masyarakat Cam yang tinggal di Phang-rang (Binh Thuan) akan mengisikan masa lapang mereka dengan mengadakan permainan repertoire Rija di kawasan mereka. Sebilangan daripada masyarakat Cam akan berkumpul di halaman rumah untuk mendengar dan menonton permainan repertoire Rija dengan penuh asyik.

Kadangkala terdapat juga sebilangan masyarakat Cam yang mengadakan permainan repertoire Rija dengan menabuh ginang sahaja. Sebilangan daripada mereka akan menabuh ginang di kawasan lapang samada di halaman rumah atau di dewan. Pada masa yang sama, terdapat juga sebilangan penduduk mereka akan mengadakan permainan repertoire Rija selepas majlis kenduri.<sup>24</sup> Ini adalah sebagai tanda syukur di atas hasil padi yang diperolehi.

Begitu juga masyarakat Cam, setiap kali menyambut perayaan hari kemerdekaan Vietnam akan mengadakan persempahan repertoire Rija. Ini adalah kerana, setiap masyarakat atau etnik dikehendaki mengadakan permainan tradisional mereka bagi mewakili masyarakat mereka. Misalnya di Bandar raya Ho Chi Minh, setiap kali menyambut perayaan kemerdekaan negara akan diadakan persempahan setiap suku bangsa minoriti. Oleh itu, semasa mengadakan persempahan repertoire Rija masyarakat Cam hanya memainkan muzik instrumental berdasarkan

---

<sup>24</sup> Diperolehi semasa sesi temubual dengan Phu Binh Dinh, 5 Ogos 1999.

kepada lagu-lagu repertoire Rija.<sup>25</sup> Di mana, setiap kali mengadakan persembahan hanya dua orang pemain ginang akan bermain dengan menyampaikan beberapa lagu-lagu yang diambil daripada repertoire Rija seperti lagu Cai Asit, Tapoa, Man Sri dan Girat.<sup>26</sup>

Oleh itu, didapati bahawa terdapat persamaan fungsi di antara repertoire seni persembahan masyarakat Melayu Kelantan dan Cam iaitu fungsi ritual dan hiburan. Ini disebabkan telah berlaku perubahan terhadap bentuk persembahan repertoire seni persembahan akibat perubahan masa. Namun begitu, masyarakat Melayu Kelantan dan Cam masih mengekalkan fungsi ritual pada repertoire tradisional mereka terutamanya pada upacara ritual dalam repertoire itu sendiri. Pengekalan beberapa upacara ritual telah menyebabkan fungsi ritual dalam repertoire seni persembahan masyarakat Melayu Kelantan dan Cam masih kekal sehingga kini.

---

<sup>25</sup> Diperolehi semasa sesi temubual dengan Phu Van Han. Pusat Kebudayaan Minoriti Suku Bangsa, Ho Chi Minh, 15 Julai 1999.

<sup>26</sup> Diperolehi semasa sesi temubual dengan Phu Binh Dinh, 5 Ogos 1999.

## **Fungsi alat muzik tabuhan dalam repertoire seni persembahan masyarakat Melayu Kelantan dan Cam**

Berdasarkan kepada definisi fungsi yang telah diterangkan di awal bab ini juga dapat menerangkan fungsi alat muzik tabuhan dalam repertoire seni persembahan masyarakat Melayu Kelantan dan Cam. Definisi itu menerangkan fungsi adalah tugas atau peranan. Untuk membincangkan fungsi alat muzik tabuhan dengan itu dirujuk kepada gendang (ginang) yang digunakan dalam repertoire seni persembahan masyarakat Melayu Kelantan dan Cam.

Dalam masyarakat Melayu Kelantan, fungsi gendang dirujuk kepada gendang yang digunakan dalam repertoire Wayang Kulit Siam. Ini adalah kerana, gendang dalam repertoire Wayang Kulit Siam mempunyai fungsi yang tersendiri dan dominan dalam repertoire itu. Justeru, gendang yang digunakan dalam repertoire Wayang Kulit Siam mempunyai fungsi sebagai pembawa rentak dan tempo. Biasanya dalam repertoire Wayang Kulit Siam, masyarakat Melayu Kelantan menggunakan dua buah gendang iaitu

terdiri daripada gendang ibu dan gendang anak. Gendang ibu merupakan gendang yang memainkan peranan penting sebagai pembawa rentak dan mengawal tempo lagu daripada terkeluar. Manakala, gendang anak pula hanya bertindak sebagai memainkan rentak bertingkah dan sentiasa mengikuti rentak gendang ibu.

Begitu juga fungsi gendang dalam membawa tempo lagu. Di mana, tempo gendang menjadi panduan untuk menentukan perlahan atau cepat sesuatu tempo lagu. Oleh itu, gendang ibu bertindak sebagai pengawal tempo lagu supaya menjadi panduan kepada pemain alat muzik yang lain daripada terkeluar daripada tempo asal. Kawalan tempo lagu yang baik oleh pemain gendang ibu amat penting kerana tempo lagu dapat mengambarkan sesuatu situasi. Misalnya, lagu Berjalan dalam repertoire Wayang Kulit Siam yang dimainkan pada tempo yang cepat bagi mengambarkan pergerakan watak. Pada peringkat awal tempo gendang dimainkan secara perlahan sehingga pada peringkat pertengahan telah berubah kepada tempo yang cepat. Perubahan pada tempo itu mengambarkan pergerakan watak semakin laju dan keadaan menjadi tegang.

Fungsi lain gendang dalam repertoir Wayang Kulit Siam ialah membentuk struktur rentak lagu. Dalam repertoir Wayang Kulit Siam, gendang ibu dan gendang anak digunakan untuk membentuk struktur rentak lagu. Setiap pemain gendang akan memainkan rentak yang tersendiri. Kedua-dua pola rentak daripada kedua-dua buah gendang digabung untuk menghasilkan bunyi yang bertenkah-tingkah dan gabungan itu membentuk satu struktur rentak yang menarik. Di mana, pengabungan bunyi akibat daripada bunyi gendang ibu dan gendang anak berselang seli kedengaran apabila dimainkan. Misalnya dalam lagu Berjalan didapati bahawa gendang ibu dimainkan pada pola rentak tersendiri dengan menghasilkan not seperempat pada bit kedua, bit ketiga dan bit keempat dan not tanda rehat pada bit pertama (Lihat lampiran I, I 1, bar 1, halaman 266).

Manakala, gendang anak juga dimainkan pada pola rentak tersendiri dengan menghasilkan not seperlapan pada bit keempat dan not tanda rehat pada bit pertama, bit kedua dan bit ketiga. Kedua-dua pola rentak daripada gendang ibu dan gendang anak digabung dan

mewujudkan pola rentak bertingkah-tingkah untuk menghasilkan pola rentak asas dan lengkap (Lihat lampiran I, I 1, bar 1, halaman 266).

Begitu juga gendang anak hanya berfungsi sebagai pelengkap pada pola rentak asas gedumbak dalam membentuk struktur rentak lagu. Misalnya dalam lagu Pak Dogol, untuk melengkapkan pola rentak asas gedumbak, bit-bit pola rentak gendang anak akan mengisi ruang kosong di antara bit-bit pola rentak asas gedumbak. Iaitu pemain gendang anak akan menabuh secara berselang seli dengan tabuhan gedumbak. Gendang anak ditabuh pada bit sembilan dan bit sebelas dan not tanda rehat pada bit sepuluh dan bit dua belas. Manakala, gedumbak ditabuh pada bit sepuluh dan bit dua belas dan not tanda rehat pada bit sembilan dan bit sebelas (Lihat lampiran I, I 2, bar 3, halaman 272). Gabungan pola rentak gendang anak dengan pola rentak gedumbak akan menghasilkan struktur rentak yang menarik.

Selain itu, gendang anak yang digunakan dalam repertoire Wayang Kulit Siam juga berfungsi menghasilkan

bunga dalam rentak lagu. Bunga yang dimaksudkan ialah rentak asas yang diimprovisasi oleh pemain gendang anak dengan mengubahsuaikan corak rentak asal dengan menggantikan timbre-timbre kepada timbre lain atau dengan bit rehat.<sup>27</sup> Bagi menghasil bunga dalam lagu Pak Dogol, gendang anak dinotasikan dengan not seperlapangan pada bit sebelas dan rehat pada bit akhir (bit akhir gongan setengah), gedumbak dinotasikan not seperempat dengan not tanda rehat pada bit sembilan dan bit sebelas. Tetapi bit akhir biasanya merupakan bit rehat (gendang anak) yang tidak pernah diubahsuaikan (Lihat lampiran I, I 2, bar 3, halaman 272). Bagaimana pun pemain gendang anak boleh mengimprovisasi untuk menghasilkan corak rentak yang sangat berbeza daripada corak rentak asas. Biasanya, pemain gendang anak selalu kembali kepada corak rentak asal lagu yang dimainkan.

Begitu juga dengan penggunaan gendang ibu dalam lagu Berjalan yang berfungsi sebagai menghasilkan isyarat kepada alat muzik lain seperti pada permulaan

---

<sup>27</sup> Patricia Matusky dan Tan Sooi Beng, Muzik Malaysia: Tradisi Klasik, Rakyat dan Sinkretik (Penang: The Asian Centre, 1997), hlm. 34.

lagu dan tamat lagu. Bagi permulaan lagu Berjalan, gendang ibu akan menghasilkan isyarat dengan ditabuh terlebih dahulu pada bit kedua dan bit ketiga dengan not seperempat. Pada masa yang sama, gendang anak, canang, kesi dan gong berada dalam not bertanda rehat. Gendang anak hanya ditabuh pada bit keempat dengan not seperlapangan. Begitu juga paluan gong (bit akhir setengah gongan), manakala canang dan kesi juga dimulakan pada bit keempat (Lihat lampiran I, I 1, bar 1, halaman 266).

Manakala untuk menamatkan lagu Berjalan, pola rentak asas gendang ibu akan diubah kepada bentuk rentak yang lain. Perubahan pola rentak asas itu dilakukan pada bahagian kaden akhir lagu dengan gendang ibu menghasilkan not tanda rehat pada bit akhir (bit akhir gongan penuh). Namun begitu, pola rentak asas gendang anak masih kekal dengan not seperlapangan pada bit akhir (bit akhir gongan penuh). Ini memberikan isyarat kepada pemain alat muzik lain seperti pemain alat canang dan kesi bahawa lagu Berjalan hampir ditamatkan (Lihat lampiran I, I 1, halaman 271).

Begitu juga penggunaan ginang dalam repertoire Rija turut mempunyai fungsi yang hampir sama dengan fungsi gendang di dalam repertoire masyarakat Melayu Kelantan. Ginang yang digunakan di dalam ensemble muzik repertoire Rija juga mempunyai fungsi sebagai pembawa rentak dan tempo lagu. Misalnya, lagu Man Sri menggunakan dua buah ginang yang bertindak sebagai pembawa rentak dan tempo. Kedua-dua buah ginang dimainkan pada rentak tersendiri. Salah satu daripada ginang itu akan bertindak sebagai pembawa rentak asas. Dalam lagu Man Sri, ginang anak yang berfungsi sebagai pembawa rentak asas. Manakala, ginang ibu pula bertindak sebagai peningkah dan sentiasa mengikut rentak ginang anak supaya tidak terkeluar daripada rentak lagu.

Selain itu, ginang turut berfungsi dalam mengawal tempo lagu. Di mana, ginang anak akan bertindak sebagai pengawal tempo lagu. Ginang anak akan membawa tempo secara kostan supaya ginang ibu sentiasa dalam mengikut tempo. Misalnya lagu Man Sri, ginang anak akan membawa bit-bit lagu secara kostan supaya ginang ibu yang memainkan rentak terlingkah dan tidak terkeluar

daripada tempo lagu tersebut (Lihat lampiran J, J 1, halaman 283). Untuk memainkan lagu Man Sri memerlukan kecekapan pemain ginang anak dalam mengawal tempo kerana tempo lagu tersebut dimainkan secara cepat.

Begitu juga, ginang berfungsi sebagai membentuk struktur rentak lagu. Dalam membentuk struktur rentak lagu dalam repertoire Rija hanya menggunakan dua buah ginang iaitu ginang ibu dan ginang anak. Misalnya, dua buah ginang digunakan dalam membentuk struktur rentak lagu Girat iaitu setiap satu ginang menghasilkan pola rentak sendiri. Biasanya, pola rentak yang dihasilkan daripada ginang anak merupakan pola rentak utama. Dalam lagu Girat, ginang ibu berfungsi sebagai membantu melengkap pola rentak asas ginang anak bagi membentuk struktur rentak yang lengkap dan menarik. Untuk melengkapkan pola rentak asas itu, bit-bit ginang ibu mengisi ruang di antara bit ginang anak. Pengisian bit-bit pola rentak ginang ibu di antara bit-bit kosong ginang anak melengkapkan pola rentak asas lagu Girat untuk menjadikan ia menarik dan lengkap (Lihat lampiran J, J 2, halaman 284).

Selain itu, ginang yang digunakan dalam repertoire Rija juga menghasilkan pola rentak yang bertingkah-tingkah. Misalnya, untuk menghasilkan pola rentak yang bertingkah-tingkah dalam lagu Man Sri, dua buah ginang digunakan bagi menghasilkan pola rentak tersendiri. Dalam lagu Man Sri, ginang anak menghasilkan pola rentak dengan not seperlapian pada bit sembilan dan bit sebelas dan not seperempat pada bit sepuluh dan bit dua belas. Manakala, ginang ibu pula menghasilkan pola rentak dengan not seperenam belas pada bit sembilan dan bit sebelas dan not seperlapian pada bit sepuluh dan bit dua belas. Kedua-dua pola rentak itu digabung dan mewujudkan pola rentak yang bertingkah-tingkah untuk menghasilkan pola rentak asas yang lengkap dan menarik (Lihat lampiran J, J 1, bar 2, halaman 283).

Dalam repertoire Rija, ginang ibu juga berfungsi sebagai menghasilkan bunga rentak. Pemain ginang ibu akan mengimprovisasi pola rentak asas dengan mengubah pola rentak itu kepada pola rentak yang berbeza. Bagi menghasilkan improvisasi di dalam rentak lagu, pemain ginang ibu akan memukul tepi baluh dengan bertujuan

menghasilkan bunyi "to'g". Ini dirujuk kepada lagu Man Sri (Lihat lampiran J, J 1, halaman 283), di mana ginang ibu dimainkan dengan menghasilkan not seperenam belas pada bit sembilan dan bit empat belas. Bunyi "to'g" dihasilkan pada setiap bit jatuh yang dimainkan ke atas ginang itu.

Begitu juga ginang anak yang digunakan dalam repertoire Rija mempunyai fungsi yang sama dengan gendang ibu dalam repertoire Wayang Kulit Siam iaitu menghasilkan isyarat permulaan lagu dan kaden akhir lagu. Fungsi sebagai menghasilkan isyarat lagu amat penting untuk memberi panduan kepada pemain alat muzik yang lain. Misalnya dalam lagu Girat untuk memulakan lagu, ginang anak terlebih dahulu ditabuh pada bit pertama, kedua dan ketiga. Pada masa yang sama, ginang ibu berada kedudukan not tanda rehat (Lihat lampiran J, J 2, bar 1, halaman 284). Begitu juga semasa menamatkan lagu, ginang anak dan ginang ibu mengubahkan pola rentak asas kepada pola rentak yang berbeza. Perubahan pola rentak lagu Girat dilakukan pada kaden akhir lagu dengan menghasilkan not yang bergerak cepat iaitu not

seperlapan (Lihat lampiran J, J 2, bar 8, halaman 285).

Perubahan pola rentak asas pada kaden akhir lagu itu bertujuan memberi isyarat bahawa lagu Girat hampir ditamatkan.

Berdasarkan kepada perbincangan itu didapati bahawa alat muzik tabuhan mempunyai fungsi yang penting di dalam repertoire seni persembahan masyarakat Melayu Kelantan dan Cam. Oleh itu, alat muzik tabuhan amat diperlukan kerana ia memberikan isyarat atau tempo kepada pemain alat muzik yang lain. Selain itu, alat muzik tabuhan memainkan peranan sebagai pembawa rentak yang diperlukan untuk melicinkan persembahan repertoire dengan baik.

#### **Fungsi alat muzik tabuhan dalam masyarakat Melayu Kelantan dan Cam**

Selain mempunyai fungsi dalam repertoire seni pesembahan, alat muzik tabuhan juga mempunyai fungsi di dalam masyarakat Melayu Kelantan dan Cam. Fungsi alat muzik tabuhan yang terdapat dalam masyarakat Melayu Kelantan dan Cam mempunyai kaitan rapat dengan

penggunaan alat muzik itu dalam kehidupan harian. Masyarakat Melayu Kelantan dan Cam sering menggunakan alat muzik tabuhan dalam aktiviti harian kerana berdasarkan kepada fungsi alat muzik itu. Secara umumnya, fungsi alat muzik tabuhan dalam masyarakat Melayu Kelantan dan Cam boleh dibahagikan kepada dua fungsi iaitu fungsi hiburan dan sosial.

Sebilangan masyarakat Melayu Kelantan yang tinggal di jajahan Tumpat dan Pasir Mas pada tahun 1960an, selain memperolehi hiburan daripada repertoire Wayang Kulit Siam dan Makyong turut memperolehi hiburan dengan memainkan alat muzik tabuhan seperti rebana dan rebana ubi. Misalnya di kalangan masyarakat Melayu yang tinggal di Kampung Laut di mukim Palekbang, Tumpat akan menabuh rebana sambil menyanyi lagu-lagu memuji kebesaran Allah s.t dan jujungan besar Nabi Muhammad s.a.w dalam bentuk berzikir untuk mengisi masa lapang di sebelah malam. Sebilangan daripada penduduk Kampung Laut akan berkumpul di satu tempat seperti wakaf atau salah satu rumah di antara mereka untuk bermain rebana.

Masyarakat Melayu Kelantan memanggil permainan itu sebagai dikir rebana.

Selain itu terdapat juga di kalangan penduduk Kampung Laut yang menabuh gendang berdasarkan lagu-lagu yang diambil daripada repertoire Wayang Kulit Siam. Dengan menabuh alat muzik tabuhan, sebilangan daripada penduduk Kampung Laut memperolehi hiburan dan aktiviti ini dapat mengisi masa lapang mereka. Pada masa kini, fungsi alat muzik tabuhan sebagai hiburan kepada masyarakat penduduk Kampung Laut masih penting. Namun begitu, permainan alat muzik tabuhan tidak sekeral sekitar tahun 1960an.

Begitu juga dengan masyarakat Melayu yang tinggal di Kampung Gerong di mukim Palekbang, jajahan Tumpat, pada sekitar tahun 1960an memainkan alat muzik tabuhan untuk memperolehi hiburan. Bagi masyarakat penduduk di Kampung Gerong, selain memperolehi hiburan daripada repertoire Wayang Kulit Siam, mereka juga memainkan alat muzik tabuhan seperti rebana ubi dan rebana. Sebilangan penduduk Kampung Gerong mempunyai masa lapang yang

panjang terutama di waktu malam kerana ramai daripada penduduknya menjalankan aktiviti menanam padi pada waktu siang. Bagi memenuhi masa lapang dan kebosanan di sebelah malam, sebilangan daripada penduduk Kampung Gerong akan bermain rebana ubi. Mereka akan berkumpul di suatu tempat yang khas, biasanya di halaman rumah ketua kumpulan rebana ubi. Rebana ubi ditabuh secara beramai-ramai dengan memainkan lagu-lagu yang diambil daripada repertoir Wayang Kulit Siam.

Kadangkala terdapat juga sebilangan penduduk Kampung Gerong menabuh rebana ubi berserta nyanyian berzikir seperti lagu-lagu memuji kepada kebesaran Allah s.t. dan junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. Ini adalah merupakan salah satu cara penduduk Kampung Gerong memperolehi hiburan pada masa itu.

Terdapat juga sebilangan masyarakat Melayu Kelantan menggunakan alat muzik tabuhan untuk melepaskan tekanan dalam diri. Kebanyakan masyarakat Melayu Kelantan pada tahun 1960an menjalankan aktiviti menanam padi dengan memberikan tumpuan sepenuh masa

waktu siang di sawah bendang. Dalam masa itu banyak tenaga dan tumpuan diberikan kepada tanaman padi seperti menjaga pokok padi daripada gangguan binatang seperti burung dan tikus. Bebanan yang ditanggung oleh mereka menyebabkan jiwa mereka tertekan dan menimbulkan ketegangan dalam diri mereka. Bagi mengatasi masalah ketegangan, sebilangan daripada masyarakat Melayu Kelantan memainkan alat muzik tabuhan untuk melepaskan tekanan dalam diri. Misalnya, sebilangan penduduk Kampung Gerong di Tumpat akan memainkan rebana ubi atau rebana dengan berkumpul di salah satu rumah atau wakaf di kampung mereka untuk melepaskan tekanan dalam diri mereka.

Selain memainkan rebana ubi, penduduk Kampung Gerong juga memainkan rebana ibu untuk mengiringi sesuatu nyanyian. Di mana, terdapat salah seorang daripada mereka memainkan rebana ibu dengan diikuti nyanyian secara beramai-ramai sambil bertepuk tangan. Permainan itu dikenali sebagai Dikir Barat iaitu dengan menabuh rebana ibu diiringi nyanyian memuji kebesaran

Allah s.t.<sup>28</sup> Justeru, permainan Dikir Barat sering dimainkan disekitar tahun 1950an. Pada masa kini, telah berlaku perubahan dengan senikata lagu-lagu dalam permainan Dikir Barat yang menggunakan seni kata lagu dalam bahasa Melayu dan dinyanyikan dalam bentuk pantun berdasarkan kepada isu-isu semasa.<sup>29</sup>

Kadangkala untuk meringankan tekanan dalam jiwa mereka terdapat juga sebilangan penduduk Kampung Gerong menabuh gendang. Biasanya, mereka menabuh gendang berdasarkan kepada lagu-lagu yang diambil daripada repertoir Wayang Kulit Siam.

Dalam masyarakat Melayu Kelantan, alat muzik tabuhan juga berfungsi dalam majlis sosial dan agama. Bunyi-bunyi yang dihasilkan daripada alat muzik tabuhan seperti gendang, rebana dan rebana ubi, begitu

<sup>28</sup> Patricia Matusky dan Tan Sooi Beng, Muzik Malaysia:, hlm. 355.

<sup>29</sup> ibid., dan lihat juga kepada, Abdul Halim Yazid, "Dikir Barat: Seni Suara Kelantan," dalam Tirai Panggung, ed., Mohd Anis Md. Nor, Jilid 1 (Kuala Lumpur: Pusat Kebudayaan Universiti Malaya, 1993), hlm. 40-46.

mengasyikkan dan menarik. Misalnya, penduduk Kampung Gerong di jajahan Tumpat pada sekitar tahun 1960an menggunakan rebana ubi sebagai alat hiburan bagi memeriah majlis perkahwinan. Dalam majlis perkahwinan, rebana ubi ditabuh menggunakan jari tangan kanan atau kiri (jari telunjuk, jari hantu, jari manis dan jari kelingking) dan rebana pula digantung dan diikat pada palang kayu yang diletakkan di antara dua batang kayu yang dipacak di atas tanah. Bunyi yang dihasilkan daripada rebana ubi itu dapat memberikan hiburan kepada tetamu dan pekerja-pekerja dalam majlis perkahwinan. Biasanya, lagu-lagu yang dimainkan dalam majlis perkahwinan adalah berdasarkan kepada lagu-lagu repertoire Wayang Kulit Siam seperti lagu Hulubalang, lagu Tukar Dalang, lagu Perang dan lagu Berjalan.<sup>30</sup> Sehingga masa kini, rebana ubi masih dimainkan di majlis perkahwinan di Kampung Gerong sebagai satu alat hiburan.

---

<sup>30</sup> Patricia Matusky dan Tan Sooi Beng, Muzik Malaysia:, hlm. 226.

Begitu juga dengan masyarakat Cam memainkan alat muzik tabuhan seperti ginang dan bari'nung (rebana) sebagai memberi hiburan kepada mereka. Masyarakat Cam juga menjalankan aktiviti menanam padi dan mempunyai masa lapang yang agak panjang di sebelah malam dan selepas musim menuai padi. Bagi memenuhi masa lapang dan mengelakkan kebosanan pada waktu itu, terdapat sebilangan masyarakat Cam memainkan alat muzik tabuhan. Misalnya, sebilangan masyarakat Cam di Phang-rang yang memainkan ginang atau bari'nung untuk memperolehi hiburan. Pada masa lapang, masyarakat Cam akan berkumpul di salah satu rumah di dalam masyarakat mereka yang biasanya rumah ketua kumpulan ginang. Dengan cara begini, masyarakat Cam dapat mengisi masa lapang tanpa terbuang begitu sahaja.

Untuk memperolehi hiburan, masyarakat Cam menabuh ginang secara beramai-ramai dengan memainkan lagu-lagu yang diambil daripada repertoire Rija. Bunyi menarik yang dihasilkan daripada ginang memberi kepuasan kepada mereka. Pada masa kini, ginang masih menjadi alat hiburan kepada masyarakat Cam kerana rata-rata

masyarakat Cam di Phang-rang masih hidup di dalam kemiskinan dan mengamalkan corak kehidupan tradisional. Ini adalah kerana mereka tidak mampu untuk memiliki alat hiburan moden seperti televisyen atau radio. Oleh itu, masyarakat Cam di Phang-rang bergantung kepada ginang untuk memberikan hiburan kepada mereka.

Begitu juga dengan masyarakat Cam di Chau Dou, Delta Mekong yang memainkan bari'nung untuk memperolehi hiburan. Masyarakat Cam di Chou Dou memanggil alat bari'nung sebagai bana. Misalnya, masyarakat Cam yang tinggal di Kampung Pulau Ba yang bersempadan dengan Kemboja memainkan bana untuk mengisi masa lapang pada sekitar tahun 1960an. Masyarakat Cam di Kampung Pulau Ba juga menjalankan aktiviti menanam padi dan mempunyai masa lapang agak panjang. Bagi mengelakkan masa lapang terbuang begitu sahaja, terdapat sebilangan penduduk kampung Pulau Ba yang memainkan bana. Sebilangan penduduk kampung Pulau Ba akan berkumpul di satu tempat yang kebiasanya di kawasan atau halaman masjid. Biasanya, penduduk Kampung Pulau Ba akan menabuh bana secara beramai-ramai berserta iringan nyanyian irama

berzikir. Lagu-lagu yang dinyanyikan itu diambil atau dipetik daripada kitab berzanji. Kebanyakan lagu-lagu yang dinyanyikan adalah berbentuk pujian kepada kebesaran Allah s.t. dan junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. Pada masa kini, bana masih dimainkan oleh penduduk Kampung Pulau Ba sebagai satu alat hiburan yang penting.

Masyarakat Cam juga menggunakan alat muzik tabuhan untuk melepaskan tekanan dalam diri mereka. Kebanyakan daripada masyarakat Cam menjalankan aktiviti menanam padi yang banyak memerlukan tumpuan sepenuhnya. Kadangkala tumpuan sepenuhnya itu akan menimbul tekanan dan ketegangan dalam diri mereka. Ini adalah kerana banyak tenaga dan masa dicurahkan bagi mengusahakan tanaman padi. Oleh itu, untuk mengatasi masalah tekanan itu, terdapat sebilangan daripada masyarakat Cam menggunakan alat muzik tabuhan untuk melepaskan tekanan. Misalnya, sebilangan masyarakat Cam di Phang-rang akan berkumpul di satu tempat atau kawasan lapang dan memainkan ginang atau bari'nung dengan bersungguh-sungguh. Mereka menabuh ginang sehingga merasa puas dan

jiwa berasa tenang. Biasanya, lagu-lagu yang dimainkan adalah berdasarkan kepada repertoire Rija seperti lagu Girat, lagu Gilau dan lagu Cai Asit.<sup>31</sup>

Begitu juga dengan sebilangan masyarakat Cam yang tinggal di Chau Dou. Mereka memainkan bana sambil menyanyi lagu-lagu yang diambil daripada kitab berzanji bagi melepaskan tekanan. Dengan cara begini, masyarakat Cam di kawasan Phang-rang dan Chou Dou dapat melepas tekanan dalam diri mereka akibat daripada tekanan yang timbul semasa mengerjakan sawah padi.

Masyarakat Cam di Phang-rang dan Chou Dou masih mengamalkan dan mengekalkan corak kehidupan tradisional menyebabkan mereka masih menggunakan alat muzik tabuhan bagi memeriahkan sesuatu majlis. Penggunaan ginang lebih murah dan senang diperolehi berbanding alat muzik moden. Misalnya masyarakat Cam di Phang-rang, ginang digunakan untuk memeriahkan sesuatu majlis seperti majlis perkahwinan. Biasanya, dua buah ginang digunakan

---

<sup>31</sup> Diperolehi semasa sesi temubual dengan Phu Binh Dinh, 5 Ogos 1999.

dalam majlis perkahwinan. Dalam majlis perkahwinan, dua buah ginang akan ditabuh secara bertingkah-tingkah dengan bertujuan menghasilkan bunyi yang menarik. Oleh itu, irangan bunyian ginang dalam majlis perkahwinan dapat memeriahkan majlis dan menghiburkan para tetamu. Manakala, masyarakat Cam di Chau Dou pula menggunakan bana untuk memeriahkan majlis perkahwinan. Biasanya, tujuh buah bana digunakan oleh masyarakat Cam di Chau Dou bagi memeriahkan suasana majlis perkahwinan dan untuk menghiburkan para tetamu.<sup>32</sup>

Selain dari fungsi hiburan, alat muzik tabuhan juga berfungsi sebagai sosial.

Dalam masyarakat Melayu Kelantan, alat muzik tabuhan seperti gendang dan rebana yang dimainkan oleh mereka dikatakan dapat mengeratkan tali persaudaran di kalangan mereka. Misalnya di kalangan penduduk Kampung Gerong sebelum memainkan rebana, mereka akan berkumpul terlebih dahulu samada di wakaf atau salah satu rumah

---

<sup>32</sup> Diperolehi semasa sesi temubual dengan Haji Abu Bakar, Kampung Pulau Ba, Chou Doc, 2 Ogos 1999.

penduduk kampung itu. Semasa mereka berkumpul untuk memainkan rebana akan berlaku interaksi di antara mereka. Pada masa itu, penduduk kampung tersebut mengambil peluang untuk bergaul di antara mereka. Mereka akan berbual kosong atau membincangkan mengenai masalah yang berlaku di kampung mereka.

Dengan cara begini, penduduk kampung dapat berkomunikasi di antara mereka dengan memandangkan pada sebelah siang ramai di antara penduduk Kampung Gerong menumpukan masa di sawah bendang dan tidak mempunyai masa untuk berinteraksi sesama mereka. Waktu malam merupakan masa yang sesuai kerana waktu ini adalah masa lapang kepada mereka. Kadangkala, pengaulan ini turut disertai golongan muda yang datang bermain rebana. Pengaulan ini juga telah dapat melahirkan perasaan kekitaan di kalangan masyarakat kampung mereka.

Begitu juga dengan pertandingan permainan alat muzik tabuhan yang sering diadakan seperti pertandingan gendang silat dan rebana ubi turut dapat mengeratkan tali persaudaraan dalam masyarakat Melayu Kelantan.

Misalnya di kalangan penduduk Kampung Gerong di mukim Palekbang, Tumpat, yang sering mengadakan pertandingan permainan rebana ubi dengan kampung berhampiranya seperti Kampung Laut terutamanya selepas musim menuai padi. Sebelum mengadakan pertandingan terdapat di kalangan penduduk Kampung Gerong akan mengadakan perbincangan mengenai pertandingan terlebih dahulu supaya mendapat kata sepakat. Perbincangan itu penting untuk mengelakkan wujud rasa tidak puas hati di kalangan mereka nanti. Perbincangan itu juga dapat mewujudkan tali persaudaraan kerana pelbagai pendapat dapat diutarakan tanpa ada prasangka. Perbincangan itu dilakukan semasa kumpulan rebana ubi Kampung Gerong sedang mengadakan latihan.

Begitu juga semasa hari pertandingan permainan rebana ubi, ramai penduduk Kampung Gerong tanpa mengira jantina dan usia datang memberi sokongan dan semangat kepada kumpulan mereka. Semasa pertandingan itu juga terdapat sebilangan penduduk Kampung Gerong akan menyediakan makan minum kepada kumpulan rebana ubi kampung mereka sebagai memberi semangat.

Selain itu, alat muzik tabuhan juga digunakan oleh masyarakat Melayu Kelantan dalam menyambut orang kenamaan atau pemimpin politik yang datang melawat ke kampung. Misalnya, penduduk Kampung Gerong di mukim Palekbang, Tumpat pada sekitar tahun 1960an, penduduk kampung itu akan memainkan gendang dan rebana ubi bagi menyambut ketibaan orang kenamaan. Bunyian yang dihasilkan daripada alat muzik tabuhan akan menjadi iringan bagi menyambut ketibaan orang kenamaan.

Selain itu, tabuhan gendang dan rebana ubi bertujuan sebagai tanda menghormati orang kenamaan atau pemimpin politik. Penghormatan itu diberikan kerana sudi datang ke kampung mereka. Biasanya, gendang dan rebana ubi ditabuh dengan memainkan lagu-lagu daripada repertoire Wayang Kulit Siam seperti lagu Berjalan, lagu Hulubalang dan lagu Perang. Sehingga kini, masyarakat di Kampung Gerong masih menggunakan alat muzik tabuhan untuk menyambut kedatangan orang kenamaan ke kampung mereka.

Dalam majlis rasmi, alat muzik tabuhan digunakan sebagai memberi tanda isyarat perasmian. Misalnya, penggunaan gendang dan rebana ubi dalam majlis perasmian dewan serbaguna di Kampung Gerong di mukim Palekbang, Tumpat pada tahun 1997. Dalam majlis perasmian, gendang dan rebana ubi di letak berhampiran dengan pentas supaya bunyi yang ditabuh bergema kuat dan menghasilkan bunyi isyarat. Pada majlis perasmian, gendang dan rebana uni ditabuh serentak selepas majlis perasmian dewan dilakukan. Tabuhan kedua-dua alat muzik tabuhan itu menandakan bahawa perasmian ke atas dewan itu telah selesai. Biasanya dalam majlis perasmian seperti itu lagu-lagu daripada repertoire Wayang Kulit Siam dimainkan seperti lagu Perang, lagu Hulubalang dan lagu Sri Rama Masuk Istana.

Begitu juga, ginang yang digunakan oleh masyarakat Cam turut mempunyai fungsi sosial. Permainan ginang juga dapat melahirkan ikatan tali persaudaraan di antara masyarakat mereka. Sebilangan masyarakat Cam di Phang-rang sering memainkan ginang pada masa waktu lapang dan selalunya mereka akan berkumpul pada waktu

malam untuk memainkan ginang dan menikmati bunyian ginang. Mereka akan menabuh ginang berdasarkan kepada lagu-lagu daripada repertoire Rija. Sambil bermain dan disamping menikmati bunyian ginang, sebilangan daripada masyarakat Cam akan berbual dan berinteraksi sesama sendiri. Hubungan interaksi itu dapat mengeratkan ikatan persaudaraan. Hubungan persaudaran ini juga jelas apabila semasa masyarakat Cam mengadakan pertandingan tabuhan ginang dalam masyarakat mereka.

Biasanya, pertandingan ginang diadakan di antara persatuan-persatuan yang mewakili tempat tinggal mereka. Misalnya dalam pertandingan ginang, Persatuan Minoriti Suku Bangsa di Phang-rang akan mewakili masyarakat Cam. Masyarakat Cam di Phang-rang akan memberikan sokongan yang kuat dan semangat kepada pemain ginang kumpulan mereka. Sokongan yang kuat dan semangat daripada masyarakat mereka dapat melahirkan dan memperkuuhkan lagi tali persaudaran di kalangan mereka. Semasa pertandingan itu, ramai masyarakat Cam di Phang-rang tanpa mengira jantina dan usia datang

menonton dengan memberi sokongan walaupun pertandingan diadakan di luar kawasan Phan-rang.

Di kalangan masyarakat Cam, ginang juga digunakan sebagai alat isyarat dalam sesuatu majlis rasmi. Misalnya, ginang telah digunakan bagi menghasilkan isyarat bunyi sebagai tanda perasmian perbukaan sebuah masjid baru di bandar Phang-rang pada tahun 1999. Pada majlis perasmian, ginang telah ditabuh beberapa kali selepas masjid itu dirasmikan. Di mana, isyarat atau bunyian yang dihasilkan daripada ginang didapati dapat menerangkan kepada hadiri bahawa majlis perasmian telah selesai. Dalam majlis perasmian, beberapa buah ginang digunakan bagi menghasilkan bunyi yang menarik. Biasanya, lagu-lagu yang dimainkan bagi memberikan isyarat dalam majlis perasmian berdasarkan kepada lagu-lagu repertoire Rija seperti lagu Man Sri, lagu Ponai dan lagu Ghamalikan.

Berdasarkan kepada perbincangan mengenai fungsi alat muzik tabuhan dalam masyarakat Melayu Kelantan dan Cam didapati mempunyai persamaan iaitu berfungsi

hiburan dan sosial. Di mana, alat muzik tabuhan memberikan hiburan kepada masyarakat Melayu Kelantan dan Cam semasa mengisi masa lapangan pada sebelah malam. Ini adalah kerana, masyarakat Melayu Kelantan dan Cam memerlukan hiburan untuk menghilangkan kebosanan dan menjadikan alat muzik tabuhan sebagai alat hiburan yang utama kepada mereka. Selain itu, alat muzik tabuhan juga berfungsi sebagai sosial. Oleh itu, masyarakat Melayu Kelantan dan Cam sering menggunakan alat muzik tabuhan dalam aktiviti harian mereka.